

Perkara
IV



HUBUNGAN INDUSTRI

HUBUNGAN INDUSTRI

KURSUS KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI

Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi.

Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini telah dicadangkan supaya menjadi sebahagian daripada kursus Keusahawanan I yang bakal ditawarkan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat pembiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanannya program ini.

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berasaskan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalaminya kursus Keusahawanan.

Program IndEnt 2011 telah berlangsung pada 22 Oktober 2011 di Dewan 2020 yang melibatkan semua pelajar tahun 4 untuk setiap pusat pengajian. Ceramah disampaikan oleh Encik Rudyhizat Mahmud konsultan dari RH Consulting yang berpengalaman luas dalam bidang pembangunan modal ihsan dan keusahawanan.

PROGRAM LATIHAN INDUSTRI (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia.

Pada tahun 2011 terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh UniMAP untuk memenuhi syarat yang telah dikenakan. Antara perubahan tersebut adalah dari segi masa perlaksanaan iaitu pada cuti semester selama 12 minggu dan sistem penilaian adalah lulus/gagal, tetapi untuk kod kursus masih mengekalkan EIT300. Perubahan ini adalah hanya untuk program ijazah saja, manakala program diploma masih mengekalkan struktur asal yang mana tempoh pelajar ditempatkan di industri adalah selama 4 bulan dengan kod kursus DIT316.

Program	Masa
Ijazah	03/05-23/07 (12 minggu)
Diploma	03/02-30/04 (16 minggu)



PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

Agilent-UniMAP Development Program for Associate Product Test Engineer AUDP)

Program ini melibatkan Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. sebagai pihak yang menyedia peserta (juruteknik) dan UniMAP sebagai sumber kepakaran akademik serta Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. sebagai penyedia prasarana seperti bilik kuliah dan bilik makmal. Kualiti pengajaran/pembelajaran serta kurikulum dan silibus adalah setanding dengan apa yang dilaksanakan di UniMAP. Peserta program yang telah mengikuti dengan jayanya setiap modul akan diberikan sijil 'Certificate of Completion'.

Program kerjasama ini adalah bertujuan melatih juruteknik-juruteknik Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang -bidang berkaitan berdasarkan kurikulum UniMAP. Di

samping itu, ianya juga bertujuan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan terhadap UniMAP oleh pihak industri dan antarabangsa. Program ini seterusnya akan dikembangkan untuk meliputi beberapa syarikat elektronik multinasional yang bakal dikenalpasti.

Pembangunan Kerjaya

Pembangunan kerjaya merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh Pusat Kerjasama Industri dalam membantu para graduan universiti mencari dan mendapatkan pekerjaan. Bukan sahaja graduan yang telah tamat malah graduan yang masih belajar juga telah diberikan pendedahan awal sebagai persediaan menghadapi sesi temuduga. Pusat Kerjasama Industri telah dipertanggungjawabkan bagi melaksana dan meningkatkan program-program kebolehpasaran siswazah.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

Bil.	Program	Tarikh	Catatan
1	Walk-in interview - Rohm Wako Electronic (M) Sdn. Bhd.	24/01/2011	Temuduga ini diadakan di Bilik Seminar 1 & 2 di Taman Kechor. Seramai 25 pelajar mengambil bahagian.
2	Program Catia V5	29/01-02/02/2011	Melibatkan 33 pelajar ijazah dari Program Kejuruteraan Pembuatan Mekanikal, Mekatronik dan Rekabentuk Produk. Program ini melatih pelajar tahun akhir dalam penggunaan perisian Catia V5 dalam bidang kejuruteraan rekabentuk.
3	Latihan Softskill : IQ , EQ dan SQ	05&06/02/2011	Program memberi pendedahan kepada bakal graduan dalam pengurusan IQ, EQ dan SQ
4	Walk-in interview - Infineon Technology (Kulim) Sdn. Bhd.	23/03/2011	Temuduga ini diadakan di Bilik Seminar 1 &2 di Taman Kechor. Seramai 73 pelajar mengambil bahagian.
5	ProTEGE 2011	26/03/2011	Program ini bertujuan mendedahkan kepada bakal graduan tentang persediaan menghadapi alam pekerjaan. Antara wakil industri yang telibat adalah dari Motorola dan Intel.
6	"Exposure Day fo Graduate Employability" (EdGE 2011).	30&31/03/2011	Program Karnival Kerjaya UniMAP 2011 ini diadakan di Kampus Putra Pauh iaitu di PPK Pembuatan. Program ini telah melibatkan 30 industri dan melibatkan semua pelajar UniMAP dan masyarakat sekitar.
7	Huawei Program	07/04/2011	Satu taklimat telah diadakan oleh pihak Huawei dan Dream Cather bagi memberi peluang kepada bakal graduan UniMAP untuk menyertai program tersebut.
8	Walk-in interview - Smartrac , Fuji Electric & Unisem	07/05/2011	Temuduga ini diadakan di Bilik Seminar 1, 2, 3 & 4 di Taman Kechor. Seramai 45 pelajar mengambil bahagian.
9	Technology Specialist Specific Domain Expertise (TeSSDE)	07/05/2011	Satu taklimat telah diadakan oleh pihak Might Meteor Sdn. Bhd. bagi memberi peluang kepada bakal graduan UniMAP untuk menyertai program tersebut.

No	Program	Tarikh	Catatan
10	AutoCAD 2011	01-27/06/2011	Program ini dianjurkan oleh Prestariang Sdn Bhd dan melibatkan 105 orang pelajar tahun akhir Diploma. Program memberi fokus kemahiran dalam perisian AutoCAD 2011 dan diiktiraf oleh AutoDesk.
11	Cisco Certified Network Associate (CCNA)	01-22/06/2011	Program ini dianjurkan oleh Prestariang Sdn Bhd dan melibatkan 50 orang pelajar tahun akhir Diploma. Program memberi fokus kemahiran dalam perisian AutoCAD 2011 dan diiktiraf oleh AutoDesk.
12	Program My Career My Future	08/06-22/07/2011	Melatih graduan UniMAP terutama dalam meningkatkan keyakinan graduan bagi persediaan ke alam pekerjaan. Program melibatkan 26 orang pelajar UniMAP.
13	Walk-in interview- Cansy Technology	18/06/2011	Satu taklimat dan temuduga telah diadakan oleh pihak Cansy Technology bagi memberi peluang kepada bakal graduan UniMAP untuk menyertai program kerjaya dalam bidang automotif.
14	Partnership Program Bersama Western Digital (Media) Sdn. Bhd.	15/06-03/09/2011	Program ini melibatkan seramai 370 pelajar UniMAP bagi menjalani pekerjaan di WD. Program ini berjaya membantu WD dalam pengeluaran produk. Pelajar dibayar gaji dan dianugerah sijil setelah tamat program.
15	Program Embedded System Development Using Microcontroller	04-28/07/2011	Program dibuka kepada pelajar tahun akhir dan seramai 25 orang pelajar melibatkan diri dalam program ini.
16	In Front End Technology For The Semiconductor & Wafer Fabrication Industry (NUFET)	25-29/07/2011	Program ini anjuran bersama Silterra (M) Sdn Bhd dan PSDC. Program ini jalankan di MIMOS.
17	Job Camp 2011 (Asian Composite Manufacturing, Bukit Kayu Hitam)	15/08-15/12/2011	Melibatkan 4 orang graduan UniMAP .
18	CompTIA A+ Certification	31/10-17/11/2011	Program dianjurkan oleh Prestariang Sdn. Bhd. melibatkan 29 orang pelajar tahun akhir Diploma. Program memberi fokus dalam menghasilkan graduan yang pakar dalam bidang komputer dari sudut penggunaan "hardware" dan "software".
19	AutoCAD 2011 - Diploma	31/10-14/11/2011	Program dianjurkan oleh Prestariang Sdn. Bhd. melibatkan 49 orang pelajar tahun akhir Diploma. Program memberi fokus dalam melahirkan graduan yang memiliki kemahiran dalam perisian AutoCAD 2011 dan diiktiraf oleh AutoDesk

